



# BULETIN PESARA

## Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 13 (1), Jan., 2023

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

### MINDA Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur Alhamdulillah, seluruh umat Islam telah selesai melaksanakan puasa pada bulan Ramadhan tahun 2023 ini. Pada tahun ini Persatuan telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2023 serentak, iaitu ada 10 Mei 2023, bertempat di Dewan Gemilang, UKM. Ini disebabkan jadual MAT dan Hari Raya Aidilfitri dalam bulan yang sama.. Seperti biasa semua ahli Persatuan, Pengurusan Tertinggi UKM, Pengerusi-pengerusi Persatuan UKM yang lain telah di undang bagi sama-sama meraikan majlis ini. Dalam majlis tersebut juga pihak Persatuan telah menyampaikan sedikit sumbangan kepada seramai 10 orang ahli pesara yang keuzuran. Saya bagi pihak Persatuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi hadir memeriahkan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini termasuklah ahli baru. Insyaa-Allah kita akan bertemu lagi pada tahun hadapan.

Mesyuarat Agung Persatuan bil. 10 telah diadakan terlebih dahulu sebelum majlis jamuan hari raya dimulakan. Seperti biasa sesuai dengan Perlembagaan Persatuan, Pemilihan AJK Persatuan bagi Sesi 2023-2025 telah diadakan. Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.00 pagi dan ditangguhkan pada kira-kira jam 11.30 pagi. Tahniah kepada AJK baru bagi Sesi 2023-2025 yang telah dilantik semoga kita bersama dapat menjalankan tugas sebaik mungkin demi kebajikan Persatuan PESARA. Tidak ketinggalan ucapan penghargaan terima kasih kepada AJK Sesi 2022-2023 di atas sumbangan khidmat bakti yang telah diberikan.

Mesyuarat juga telah meluluskan pelantikan AJK PAWE Sesi 2023-2025. PAWE merupakan tempat bagi warga emas (60 tahun dan ke atas) menjalankan program dan aktiviti harian di dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategi antara agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan komuniti setempat. Matlamat penubuhan PAWE adalah merupakan manifestasi daripada Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara.

Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UKM adalah merupakan cetusan idea oleh Pusat Penuaan Sihat dan Kesejahteraan (H.CARE), Fakulti Sains Kesihatan dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM telah diluluskan penubuhannya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 7 Mei 2019. Ia dinaungi oleh Persatuan Pesara, UKM. Mendapat peruntukan kewangan mengoperasi daripada JKJ. Pejabat PAWE buat masa ini terletak di tingkat 5, Bangunan Pentadbiran, Kolej Keris Mas.

Pada masa ini, UKM di bawah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri Masyarakat) UKM telah membuat pelantikan bagi AJK PAWE dengan AJK nya seperti perkara di bawah, bermula Mei 2019 untuk tempoh masa 3 tahun. Walau bagaimanapun dengan keadaan wabak Covid 19 dan beberapa faktor lain, maka pelantikan ini berlanjutan hingga Mac 2023.

Sebagai Pengerusi Persatuan PESARA UKM, saya menyambut baik saranan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Sri Mohamed Khaled bin Nordin tentang visi beliau untuk memperkasakan semua universiti di tanah air. Justeru visi ini juga perlu diberi perhatian berat oleh Naib Canselor UKM, YBhg. Profesor Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman. Usaha memartabatkan Bahasa Melayu dengan lebih kukuh perlu ditonjolkan, kerana ini merupakan matlamat utama UKM ditubuhkan sejak 53 tahun yang lalu. Selain daripada itu kepentingan UKM mengeluarkan graduan yang terbaik untuk pasaran pekerjaan. Hal ini bukan sahaja terletak kepada keputusan akademik yang terbaik, tetapi juga penampilan diri para siswa/siswi seperti berkomunikasi dengan baik (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris), sahsiah yang tinggi. Bagi mencapai hasrat ini, proses pengajaran dan pembelajaran mesti sentiasa diperbaiki, terutama pengajaran dan pembelajaran atas talian pasca Covid perlu diperkembangkan. Namun begitu pengajaran dan pembelajaran bersemuka perlu dilakukan oleh para pensyarah kerana ini merupakan wadah pengajaran dan pembelajaran yang amat berkesan.

Selain tanggungjawab para akademik terhadap para siswa/siswi, penonjolan UKM juga adalah berdasarkan kecemerlangan para akademik menerusi penulisan Ilmiah, penyelidikan, pembentangan kertas kerja sehingga ke peringkat antarabangsa bagi memperlihatkan keserjanaan mereka. Semua faktor ini: keterampilan siswa/siswinya dan ketokohan ahli akademiknya diharapkan dapat meningkatkan harapan dan keyakinan masyarakat terhadap UKM bukan sahaja pada mata rakyat negara ini malahan juga pada peringkat antarabangsa. Semoga UKM akan terus mencapai kecemerlangan dari masa ke masa.

Akhirnya, marilah kita sama berdoa agar semua AJK Persatuan Pesara UKM/PAWE dapat menjalankan tugas yang diamanahkan sebaik yang mungkin.

Sekian.

## **BIRO KEBAJIKAN**

### **Ziarah Kasih (PPUKM/PAWE)**

Biro Kebajikan Persatuan Pesara UKM diwujudkan bertujuan merancang, menyelaras dan melaksanakan sebarang aktiviti yang mempunyai unsur kebajikan kepada ahli persatuan pesara UKM khususnya dan pesara UKM amnya. Aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan antaranya adalah ziarah kasih kepada pesara yang telah lama tidak dapat dihubungi, ziarah pesara yang usur@ sakit mahupun ziarah ketika berlaku kematian pesara UKM. Aktiviti ini ada yang berbentuk terancang yang diwakili oleh AJK Pesara UKM, mahupun yang dilakukan secara spontan oleh pesara UKM secara individu kecil, yang akhirnya dimaklumkan kepada Persatuan melalui perkongsian berita. Berita lawatan para pesara UKM yang dikongsi dalam media sosial Persatuan nampaknya memberikan impak yang positif di mana lanjutan daripada perkongsian berita sedemikian dapat mencetus lawatan susulan rakan-rakan pesara yang lain yang dapat meningkatkan lagi ukhuwah sesama para pesara UKM. Selepas berakhirnya PKP, aktiviti lawatan ini semakin rancak dan lebih kerap lagi apabila diadakan bersama dengan PAWE. Dalam setiap kali lawatan Persatuan/PAWE ada menyampai sedikit cenderahati dan ada kalanya bantuan kewangan bergantung kepada individu yang terlibat.

### **Siri Lawatan/Aktiviti**

Beberapa misi ziarah kasih (PPUKM/PAWE) telah diadakan. Keseluruhan ziarah dibuat di rumah/rumah sakit ahli. Ziarah kasih juga turut disertai oleh antara ahli dan bukan ahli. Disampaikan juga sejumlah sumbangan/cenderamata.

Misi ziarah kasih kepada waris ahli yang meninggal juga diadakan bagi menyampaikan sumbangan serta borang-borang pengurusan jenazah dan pencen penerbitan (di mana berkaitan).

1. Dato Dr. Ariffin Aton pada 24 Jan., 2023
2. Abu Yamin Hj. Ridzuan (PPUKM 0173) 5 Feb., 2023 dan 6 Feb., 2023
3. Hafsa Hasan (PP0138) dan suami pada 6 Feb., 2023
4. Tuan Hj. Khalis Md. Salleh (PP0006) pada 16 Feb., 2023
5. Dr. Siti Saodah Hj Hassan (mantan pensyarah FPI) pada 21hb Feb., 2023
6. Prof. Emeritus Dato' Dr. Zainul Abidin bin Md. Sharrif (mantan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Naib Canselor UNITEN) pada 21 Feb., 2023. (baru menjadi ahli Persatuan)
7. Pn. Mazanah Sabitah (PP0103) pada 22 Feb., 2023
8. Pn. Siti Zawiyah Abd. Rahman (PP0223) pada 22 Feb., 2023
9. Tuan Haji Salleh Hj Yusof (PP0051) 27/2/2023 dan 8 Mac 2023
10. Pn. Masijah Ab. Rahim (PP0210) pada 14 Mac 2023
11. Prof. Emeritus Dato Dr. Mohd Sham Mohd Sani (PP0157) pada 16 Mac 2023
12. Menziarahi waris Puan Zainab Shamsuddin (PP0232) yang telah berpulang ke rahmatullah pada 15 Mac 2023 untuk menyampaikan borang-borang pengurusan jenazah dan pencen terbitan.
13. Berpulanginya kerahmatullah suami kepada Pn. Kartini Mohd. Noor (PP0045) pada 4 April 2023

14. Berpulangnyanya kerahmatullah bonda kepada Pn. Ezan bt Noon (PP0414) pada 6 April 2023.
15. Ziarah kasih waris Allahyarham Dr. Farid M. Onn (PPUKM0128) pada 4 Mei 2023
16. Ziarah kasih waris Allahyarham Sdr. Shukur (suami kpd Puan Noriah Osman PPUKM0180) pada 4 Mei 2023
17. Ziarah kasih waris Allahyarham Dr. Mohamed Rozali pada 5 Mei 2023
18. Ziarah waris Allahyarham Shamin pada 28 Mei 2023
19. Ziarah waris Allahyarham Ali Amran Ali Nordin (mantan FST) pada 31 Mei 2023.



Ziarah Kasih Dato Dr. Ariffin Aton; mantan Dekan  
Fakulti Kejuruteraan, UKM.  
24 Jan., 2023



Ziarah kasih Hafsa Hasan (PP0138) dan suami  
pada 6 Feb., 2023



Ziarah kasih Abu Yamin Ridzuan  
(PP0173) 6 Feb., 2023

Ziarah kasih Dr. Siti Saodah Hj Hassan (mantan pensyarah FPI) pada 21hb Feb., 2023



Ziarah kasih YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Zainul Abidin bin Md. Sharrif (mantan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Naib Canselor UNITEN) pada 21 Feb., 2023.




Ziarah kasih Pn. Mazanah Sabitah (PP0103) pada 22 Feb., 2023



Ziarah kasih Pn. Siti Zawiyah Abd. Rahman (PP0223) pada 22 Feb., 2023



Ziarah kasih Tuan Haji Salleh Hj Yusof (PP0051) 27/2/2023 dan 8 Mac 2023





Ziarah kasih Pn. Masijah Ab. Rahim (PP0210) pada 14 Mac 2023



Ziarah kasih Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Sham Mohd. Sani (PP0157) pada 16 Mac 2023



Ziarah kasih waris Pn. Zainab Shamsuddin (PP0232) pada 15 Mac 2023. Menyampaikan borang-borang pengurusan jenazah dan pencen terbitan kepada waris almarhumah.



Ziarah kasih waris Allahyarham Dr. Farid M. Onn (PPUKM0128) pada 4 Mei 2023



Ziarah kasih waris Allahyarham Sdr. Shukur (suami kpd Puan Noriah Osman PPUKM0180) pada 4 Mei 2023



Ziarah waris Dr. Mohamed Rozali (mantan Profesor Kimia di FST) pada 5 Mei 2023





Ziarah kasih waris arwah Shamin 21 Mei 2023.



Ziarah kasih waris Ali Amran Ali Nordin (mantan kakitangan FST pada 31 Mei 2023)

## BIRO RIADAH DAN LAWATAN

1. **Riadah dengan kerjasama Persatuan Qigong Bangi dan senamrobik dengan kerjasama Klinik Kesihatan BBB:**
  - a. Senaman Qigong di adakan pada setiap hari Sabtu di Taman Cempaka BBB.
  - b. Senamrobik anjuran Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi diadakan setiap hari Jumaat jam 8.15 pagi atau setiap Rabu dan Jumaat jam 5.30 petang, bertempat di kawasan parkir bersebelahan klinik. Pada setiap pagi Jumaat selain senamrobik, aktiviti lain seperti ceramah-ceramah kesihatan juga diadakan sekali sekala, begitu juga ujian paras gula dan tekanan darah bagi peserta.

- c. Dengan kerjasama PAWE , acara joling di Tasik Cempaka telah diadakan pada 1 Okt 2022. Hampir 50 peserta turut mengambil bahagian

**PERSAHABATAN MELALUI PERMAINAN GOLF**

**GOLF AMAL  
PERSATUAN PESARA  
UKM 2023**

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)  
7.00 PAGI  
KELAB GOLF DANAU UKM, BANGI

**BAYARAN PENYERTAAN**  
RM200.00  
Termasuk Green Fees /  
Buggy / Breakfast /  
Lunch

**TARIKH AKHIR  
PENYERTAAN**  
02 FEBRUARI 2023

**ATUR CARA**  
6.45 - 7.30 pagi  
Pendaftaran dan Sarapan  
7.30 - 8.00 pagi  
Taklimat dan Bergambar  
8.00 pagi  
Permainan Golf Bermula  
1.00 tengah hari  
Makan Tengah Hari dan  
Penyampaian Hadiah

**MAKLUMAT  
LANJUT**

Prof. Emeritus Dato' Dr. Lally bin Din (012-3223024)  
Dr. Misran bin Rokimin (013-3542787)

## 2. Golf Amal



Seramai 60 orang pemain dari luar dalam UKM telah menyertai pertandingan Golf Amal Persatuan yang telah diadakan pada 16 Feb., 2023 bertempat di Kelab Danau.

Majlis dipengerusikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din dengan Prof. Emeritus Muhamad Yahaya sebagai penasihat serta Dr. Misran Rokimin sebagai Setiausaha .

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Anuwar Ali dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin.

Sejumlah RM935.00 Telah dapat disumbangkan kepada dana Persatuan Pesara UKM.

### 3. Lawatan dan Kunjungan

- a. Dengan kerjasama PAWE, Lawatan ke ATOK farm, Nilai telah di adakan pada 7 Jan 2023. Seramai 20 orang ahli turut hadir. Ahli dapat mempelajari bagaimana seorang pesara dengan bantuan IT dapat membuat perniagaan dengan tanaman dan ternakan di sekeliling rumah.
- b. Pada 30 Okt 2022 , seramai 20 ahli Pesara dan pemain golf berkunjung ke Batam Indonesia. Rombongan ini menaiki feri di terminal Stulang, Johor Baharu. Acara lawatan adalah golf dan melawat tempat rekreasi.
- c. Seramai 10 orang ahli pesara telah mengikuti rombongan ke Medan pada 10-23 Feb. 23, dengan tujuan rekreasi dan golf. Lawatan ini telah diurus oleh Dermawan Tours.



Gambar Gigong di Tasik Cempaka



Gambar : di atas Feri Ke Pulau Batam



## BICARA PERDANA NAIB CANSOLOR

UKM telah menyumbang sejumlah RM5,000.00 (RM Lima ribu ringgit) kepada Persatuan Pesara di sempena Bicara Perdana Naib Cansolor yang telah diadakan di DECTAR pada 9 Mac 2023 yang lalu. Selain Persatuan Pesara, PKAUKM; PERTADI; KESUKMA; PSUKM; PTPOUKM; PAKAT juga menerima jumlah sumbangan yang sama.

Terima kasih UKM.

## PERJUMPAAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA BERSAMA PERSATUAN PESARA UKM

Tarikh : 18 April 2023 (Selasa)

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Al-Ghazali Aras 1, Perpustakaan Lingkungan Kedua Bahagian Sumber Manusia

Agenda:

4. Alu-aluan Pengerusi.
5. Kewajipan pesara untuk menjadi ahli Persatuan Pesara UKM.
6. Penglibatan Persatuan Pesara UKM dalam membantu bakal pesara menjalani kehidupan selepas bersara.
  - Perancangan masa hadapan.
  - Perkongsian aktiviti yang dijalankan.
7. Penglibatan Persatuan Pesara UKM dalam Majlis Sanjungan Budi Pesara UKM 2023.
8. Hal-hal lain

Persatuan Pesara telah diwakili oleh :

- Dato Mohd Wahid Samsudin
- Prof Emeritus Dato Dr Laily bin Din
- Dato Harun Bintang
- Dr Amran Ab. Majid
- Dr Kaswandi Md. Ambia
- Salmah Kasmani

Mesyuarat dipengerusikan oleh Tn. Hj. Zanudin Mohd. Daud, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

Perbincangan lebih banyak memfokuskan kepada:

- Cara mempromosikan Persatuan Pesara
- Mempertingkatkan kemudahan perubatan untuk pesara di HCTM, Hospital UKM cawangan KL dan Pusat Kesihatan UKM



Kesinambungan dengan mesyuarat di atas, satu Mesyuarat Membincangkan Inisiatif Pewujudan Kaunter Khas Pesara di HCTM telah diaturkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar pada 29 Mei 2023. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Haji Zanudin Mohd. Daud, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar. Agenda perbincangan menjurus kepada penambahbaikan layan yang lebih baik kepada Pesara UKM di HCTM.

#### **Wakil dari Persatuan Pesara:**

- Dato' Dr. Mohd Wahid Samsudin
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily Din
- Encik Abd. Talib Harun



#### **Wakil dari HCTM**

Encik Mursidi Ahamad  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Pengarah

Puan Wan Omi Wan Yussop  
Ketua Pentadbiran  
Jabatan Kewangan

Puan Nadia Noor Awal  
Ketua Pentadbiran  
Jabatan Sumber Manusia

Puan Sherda Rusland  
Ketua Penolong Pendaftar  
Pejabat Perhubungan Awam  
Jabatan Khidmat Pelanggan

Puan Masrifa Zakaria  
Ketua Pentadbiran  
Jabatan Pengurusan Kejururawatan

**Wakil dari Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar**

Cik Najatulmuna Hamdan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Kemudahan dan Pentadbiran

Puan Nur Diyana Jamaluddin  
Penolong Pendaftar  
Bahagian Kemudahan dan Pentadbiran

Puan Fatimah Othman  
Ketua Unit Elaun, Saraan & Prestasi

Puan Sharifah Sazalina Syed Abd Hamid  
Penolong Pegawai Tadbir  
Unit Elaun, Saraan & Prestasi

**MESYUARAT AGONG BIL. 10 DAN MAJLIS HARI RAYA 2023  
PERSATUAN PESARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA KE 10**

Kedua-dua majlis telah diadakan serentak pada 10 Mei 2023 bertempat di Dewan Gemilang, UKM. Majlis didahului dengan Mesyuarat Agong Persatuan yang ke-10 dan diikuti dengan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2023.

Seramai sekitar 111 ahli dan 27 ahli baru telah menghadiri AGM 10 dan Majlis Hari ini. Rm690.00 hasil kuripan untuk tabung kebajikan.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali, Pengerusi, Persatuan Pesara, UKM.

Prof. Emeritus Dato Dr. Laily bin Din telah selaku Pengerusi Sementara dalam slot pemilihan AJK Persatuan Pesara, UKM bagi lantikan sesi 2023-2025.

**Pengerusi :**

Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Anuwar Ali

**Timbalan Pengerusi:**

Dato' Dr Mohd Wahid Samsudin

**Setiausaha:**

Haji Abd Talib Harun

**Penolong Setiausaha:**

Dato Harun Bintang

**Bendahari:**

Puan Hajah Rosenaini @ Rusnaini A Saman

**Ahli Jawatankuasa**

1. Prof Emeritus Dato' Dr Laily bin Din
2. Prof Emeritus Dato' Dr Muhammad Yahya
3. Dato' Dr Ibrahim Jantan
4. Dr. Amran Abd Majid
5. Dr. Kaswandi Md Anbia
6. Dr. Misran Rokimin
7. Hajah Salmah Kasmani
8. Hajah Kamariah Mohd Yusof

Syabas dan tahniah kepada kepimpinan PPUKM sesi 2023-2025 dan penghargaan terima kasih kepada Sdr. Abd. Rahman Madon atas khidmat yang telah diberikan kepada beliau sebagai Juruaudit sesi 2021-2023.

### PEGAWAI-PEGAWAI PERSATUAN 2023-2025

**Pengerusi**

Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali  
(012 3202628)

**Timbalan Pengerusi**

Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin  
(013 3357676)

**Setiausaha**

Abd. Talib Harun  
(019 3289426)

**Penolong Setiausaha**

Dato' Harun Bintang  
(019 3311152)

**Bendahari**

Rosenaini@Rusnaini A. Saman  
(012 3349145)

**AHLI JAWATANKUASA**

Dr. Amran Ab. Majid  
(Ketua Biro Kebajikan)  
(0132087935)

Dato' Dr. Ibrahim Jantan  
(019 3166445)

Kamariah Mohd. Yusof  
(017 3193734)

Dr. Kaswandi Md. Ambia  
(017 3323713)

Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din  
(012 3223024)

Dr. Misran Rokimin  
(*Ketua Biro Penerangan dan Penerbitan*)  
(013-3542787)

Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad  
Yahaya  
(*Ketua Biro Riadah dan Lawatan*)  
(013-3357477)

Salmah Kasmani  
(012 3755899)

#### **Juruaudit**

Sabli bin Ibrahim  
(019-2553703)

Dr. Mansor Jusoh  
(019 2791104)

#### **AJK KECIL BIRO KEBAJIKAN sesi 2023-2025**

- Dr. Amran Ab. Majid (*Ketua*)
- Dato Dr. Mohd. Wahid Samsudin (PAWE)
- Che Rus Pin (PAWE)
- Dato' Harun bin Bintang
- Dr. Kaswandi bin Md. Ambia
- Dr. Mansor bin Jusoh
- Abd. Talib bin Harun
- Kamariah binti Mohd. Yusof
- Rosenaini @Rosnani binti A. Saman
- Salmah binti Kasmani

#### **AJK KECIL BIRO PENERANGAN DAN PENERBITAN sesi 2023-2025**

- Dr. Misran Rokimin (*Ketua*)
- Dato' Harun Bintang
  - Pn. Salmah Kasmani
  - Tn. Haji Raai Osman

#### **AJK KECIL BIRO RIADAH DAN LAWATAN sesi 2023-2025**

- Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya- (*Ketua*)
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din
- Dr Amran Ab Majid
- Dr. Misran Rokimin
- Dato' Dr. Ibrahim Jantan
- Dr Kaswandi Mohd Ambia
- Abd. Rahman Madon
- Kamariah Mohd. Yusof
- Puan Salmah Kasmani



Terima kasih kepada semua ahli yang terlibat menjayakan mesyuarat pada kali ini dan selamat datang kepada 27 orang ahli baru yang turut mendaftar pada majlis ini.

Majlis Hari Raya dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengarah LPU YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak; ahli LPU antaranya YBhg. Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie, YBhg. Dato' Dr. Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria. YBhg. Profesor Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman; Naib Canselor; beberapa Timbalan Naib Canselor; Pendaftar; Presiden KESUKMA, PAKAT, PERTADI, PKAUKM; Pengerusi Koperasi; Pengarah Sukan dan AJK PAWE.



### MAJLIS JAMUAN HARI RAYA ADILFITRI 2023





Gambar-gambar penuh boleh layari laman sesawang Persatuan atau <https://photos.app.goo.gl/nYFbUx2WcCRzfBAu5>.

### SENARAI NAMA PENERIMA SUMBANGAN 2023

BIL.	NAMA	NO. TEL.	CATATAN
1.	MO AZANI BIN ABDUL RAHMAN	PP0039	AHLI
2.	KARTINI BTE. MOHD. NOOR	PP0045	AHLI
3.	NORIAH OSMAN	PP0180	AHLI
4.	ASRIAH YUSOF	PP0338	AHLI
5.	HABSAH BT HASSAN	PP0138	AHLI
6.	NORAINI HUSSIN	PP0226	AHLI
7.	ABD. RAAI BIN OSMAN	PP0342	AHLI
8.	MASTURA BINTI ITAM	PP0415	AHLI
9.	ANJANG DOYAH NORDIN	PP0117	AHLI
10.	HAMDAN BIN ISMAIL	PP0442	AHLI

**MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI UKM  
18 Mei 2023  
DECTAR, UKM**



**PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)**

Bengkel Keluarga Sihat pada 11/2/2023

Kursus Usahawan (Right for You) pada 12 Feb., 2023



SENAMAN QIGONG, antara aktiviti terbaru PAWE bagi kegiatan riadah ahlinya. Kegiatan ini diadakan setiap Sabtu, bermula jam 8.30 pagi. Instrukturnya Dr. Abdullah Mohd. Noor.

## AJK PAWE 2023-2025

Jawatan	Nama
<b>Penaung 1</b>	Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman (Naib Canselor, UKM)
<b>Penaung 2</b>	Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin (Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, UKM)
<b>Penasihat 1</b>	Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali
<b>Penasihat 2</b>	Prof. Dr. Suzana Shahar (H-CARE, UKM)
<b>Pengerusi</b>	Dato' Dr. Mohd Wahid Samsudin (Persatuan Pesara, UKM)
<b>Timbalan Pengerusi</b>	Ir. Ishak Arshad (Persatuan Pesara, UKM)
<b>Setiausaha</b>	En. Abd Rahman Madon (Persatuan Pesara, UKM)
<b>Bendahari</b>	Dr. Sumaiyah Mat (H-CARE, UKM)
<b>Penyelia</b>	Pn. Noor Shahida Sukiman (H-CARE, UKM)
<b>Pembantu Penyelia</b>	En. Che Rus Pin
<b>Ahli Jawatankuasa/Biro</b>	
<i>Infrastruktur, Kemudahan Awam, Kebersihan Persekitaran &amp; Keceriaan</i>	Dr. Amran Ab Majid (Persatuan Pesara, UKM)
<b>Sukan &amp; Sosial</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya (Persatuan Pesara, UKM)</li> <li>• Tn. Hj. Abd Talib Harun (Persatuan Pesara, UKM)</li> </ul>
<b>Kebajikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi (Fakulti Sains Sosial &amp; Kemanusiaan, UKM)</li> <li>• Dr. Kaswandi Md. Ambia (Persatuan Pesara, UKM)</li> </ul>
<b>Ekonomi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prof. Madya Dr. Zahara Abdul Manaf (H-CARE, UKM)</li> </ul>
<b>Latihan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prof. Dr. Devinder Kaur Ajit Singh (H-CARE, UKM)</li> <li>• Prof. Madya Dr. Arimi Fitri Mat Ludin (H-CARE, UKM)</li> </ul>
<b>Penerbitan &amp; Publisiti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dr. Misran Rokimin (Persatuan Pesara, UKM)</li> <li>• Pn. Hj. Salmah Kasmani (Persatuan Pesara, UKM)</li> </ul>

## MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

### Bantuan Warga Emas

Warga emas (60th ke atas) boleh mendapat boucher RM150 (**sekali setahun sahaja**) di semua pejabat-pejabat Dun masing-masing di daerah Selangor. Anda diperlukan mendaftar sebagai warga emas di pejabat Dun masing-masing terlebih dahulu.

Mulai tahun 2023, bantuan ini boleh diperolehi pada bila-bila masa tanpa menunggu tarikh lahir anda.

### PEMANSUHAN PENGGUNAAN SURAT JAMINAN BERCETAK DI HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ (HCTM) KEPADA WARGA DAN PESARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**Dalam Pekeliling Pendaftar bil. 10/2023 bertarikh 1 Jun 2023 memaklumkan mengenai perkara di atas.**

Ini bertujuan menambahbaikkan penyampaian perkhidmatan di Hospital Cansolor Tunku Mukhriz (HCTM), berkuat kuasa 17 April 2023, semua staf dan pesara UKM tidak lagi perlu mengemukakan Surat Jaminan setiap kali mendapatkan rawatan di HCTM. Staf UKM hanya perlu mengemukakan Kad Pengenalan. Manakala, pesara perlu mengemukakan Kad Pengenalan berserta Kad Pesara. Peraturan ini adalah termasuk untuk tanggungan yang layak.

Walau bagaimanapun, bagi rawatan perkhidmatan dan peralatan yang tidak diberikan secara percuma di HCTM, kelulusan khas perlu diperolehi dari Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar UKM (bagi staf Kampus Bangi), Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu, HCTM (bagi staf HCTM) dan Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran Am, HPKK (bagi staf HPKK).

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pegawai berikut boleh dihubungi:


BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
<b>KAMPUS BANGI</b>			
1.	Cik Najatulmuna Hamdan Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	kbpk@ukm.edu.my	03-8921 5075
2.	Puan Khairon Nur'Ain Baharon Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	khairon@ukm.edu.my	03-8921 3309
3.	Cik Kartikha Zainudin Pembantu Tadbir Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	kartikha@ukm.edu.my	03-8921 4435

<b>HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ</b>			
1.	Puan Zuraidah Konil Ketua Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu Hospital Canselor Tuanku Muhriz	aidah@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5100
2.	Puan Nora Shasheela Abdullah Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu Hospital Canselor Tuanku Muhriz	shasheela@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5102
3.	Puan Siti Zuraidah Baharom Pembantu Tadbir Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu Hospital Canselor Tuanku Muhriz	zu.ida@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 8221
<b>HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI, HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM</b>			
1.	Puan Nur Natasha Nazira Zulkifli Penolong Pendaftar Jabatan Pentadbiran Am Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak- kanak UKM (HPKK)	nur.natasha@ukm.edu.my	03-9174 8650
2.	Puan Nurul Fazrenny Abd Rasit Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Pentadbiran Am Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak- kanak UKM (HPKK)	fazrenny@ppukm.ukm.edu.my	03-9174 8648
3.	Cik Amiradilah Suparman Pembantu Tadbir Jabatan Pentadbiran Am Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak- kanak UKM (HPKK)	amiradilah@ukm.edu.my	03-91748647

## **PENERBITAN**

### **HIGHER EDUCATION IN MALAYSIA : Personel Experrience and New Perspectives** Oleh Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali

Buku ini menggambarkan pengalaman penulis selama hampir 50 tahun sebagai ahli akademik terutamanya semasa di UKM & kemudian di OUM. Penulis memberi ulasan tentang perkembangan Pendidikan Tinggi di negara ini serta peranan dan tanggung jawab setiap universiti dari segi pembangunan negara & pembentukan modal insan. Juga diperbincangkan adalah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh universiti dalam perubahan global dan Revolusi Industri 4.0. Akhir sekali penulis memberi pandangan tentang keperluan transformasi untuk menonjolkan kecemerlangan universiti seterusnya dalam Abad ke-21.




Semoga buku ini akan dapat membantu kita semua untuk mengerti perkembangan & pencapaian universiti tempatan termasuk UKM. Buku ini mengandungi 240 ms dan berharga RM40.00 senaskhah dan boleh dibeli di Penerbit UKM.



## MEMOIR CHAMHURI SIWAR

Roda Perjalanan Hidup dan Sumbangsih  
Oleh Prof. Emeritus Dr. Chamhuri Siwar



Kisah biasa anak kampung membesar dalam kemiskinan, menjadi guru, pensyarah dan bersara sebagai Profesor.

Buku boleh diperolehi di Penerbit UKM 03-89213138


## **AKU SEORANG JURUFOTO** **Kehidupan dan Lensa Hidupnya** Oleh Abd. Raai Osman



Sebuah kisah kehidupan seorang jurufoto 'makan gaji' yang berjaya di persada fotografi

Buku ini mengandungi 215 ms. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan penulis di talian 019 3393308.

## **BAKTI CEMERLANG ALUMNI BANDUNG** **Dalam bidang Sains Perubatan, Sains dan Teknologi kepada Negara**



Buku ini memuatkan bakti cemerlang anak-anak Malaysia yang berpeluang belajar di Indonesia khususnya di Institut Teknologi Bandung untuk dijadikan motivasi kepada pelajar-pelajar Melayu khususnya yang boleh berjalan dalam bidang sains perubatan, sains dan teknologi. Dimuatkan 10 orang tokoh cemerlang yang telah mencapai peringkat Profesor dan Profesor Emeritus dalam bidang masing-masing.

- Prof. Emeritus Tan Sri Mohamed Salleh Mohamed Yasin
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhamad Awang
- Prof. Emeritus Dato Dr. Zainal Abidin Ahmad
- Prof. Emeritus Dr. Sallehudin Sulaiman
- Prof. Emeritus Dr. Zhari Ismail
- Prof. Dr. Ismail Mohd
- Prof. Dr. Jambari Hj. Ali
- Prof. Dr. Sulaiman Hanapi
- Prof. Dr. Saberi Othman

Ketua Editor : Prof. Adjung Dr. Ismail Abdullah

Mengandungi 57 ms, dengan harga RM30.00 (semanjung Malaysia dan RM35.00 bagi Sabah dan Sarawak).



## SANTAPAN MINDA

### Menatap Rumah

Jauh,  
Kau dan Aku  
Buahan kehidupan  
Bertaburan

Jauh,  
Kupilih buah yang jauh,  
Maaf duhai rumah tinggalan,  
Arwah bapa penuh kefahaman.

Kau kini milik orang  
Keputusan tidak senang,  
Perpisahan ini keterpaksaan  
Namun  
Biar diri jasmani tidak menyatu  
Tapi hati merindu

Kuulangi menatapmu  
Kekal hidup kasih dulu

*(8.5.2023. Nukilan Sasterawan Negara (SN) Dato' Rahman Shaari. Alumni IBKKM, UKM Jalan Pantai 1974-1977).*

### Rumah Tua

Ku masih merasa denyut jantungmu  
Mendewasakan aku  
Sehingga aku jadi manusia

Keramahan  
Kehangatan masih terasa  
Itulah rumah warisan  
Tertinggal sepi  
Tanpa disayangi  
Mana warisanmu  
Yang kau belai... jadi manusia

Kembalilah...!  
Pulihkanlah...!  
Biar rumah usang tua kembali riang  
Biar denyutan terus terasa  
Biar kehangatan terus merembes  
pada generasi mendatang.

*(Nukilan Dr. Noriah Mohamed (Kak Nong). 8 Mei Sheffield, UK). (Nota: Dua buah sajak di atas, rasa sedih penyair mengenangkan rumah pusaka di kampung yang telah kosong tidak berpenghuni setelah kedua ibu bapa tiada lagi.)*

## Nostalgia

Kami sebenarnya berada di hujung usia  
 Masa bagi kami bukan bersuka ria  
 Kami hadir sekadar  
 Menggamit nostalgia  
 Berjabat salam tanda rindu  
 Adanya,  
 Bertegur sapa, ada kala terlupa nama

Kami dulu hebat dan  
 Muda-muda belaka  
 Kini ada yang datang bertongkat dan  
 Berkerusi roda.  
 Inilah kami yang dulu  
 Membangunkan universiti tercinta,  
 Jika kami pergi kelak hanya  
 Bakti yang dibawa  
 Jangan lupa memahatkan  
 Nama kami dalam hati anda.

(Raai Osman, Bangi 11 Mei 2023)

***Sidang Editor Buletin***

Dr. Misran Rokimin  
 Puan Salmah Kasmani

***AJK Penerbitan***

*Dr Misran Rokimin (Ketua)*  
*Dato' Harun Bintang*  
*Sdr. Abd. Raai bin Osman*  
*Puan Salmah Kasmani*